

LAMPIRAN A

**SYARAT-SYARAT TAWARAN BIASISWA PERSEKUTUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

1. PERINGKAT PENAJAAN

Pelajar dikehendaki mengikuti pengajian sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam **Surat Tawaran** seperti berikut:-

(a) Kursus Persediaan Dalam Negara

Kursus ini akan diadakan mengikut program, tempoh dan tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan sebagaimana yang tercatat di dalam Surat Tawaran.

(b) Kursus Persediaan Di Luar Negara

Bagi program-program tertentu, pelajar dikehendaki mengikuti kursus ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan seperti yang tercatat di dalam Surat Tawaran.

(c) Pengajian Di Peringkat Diploma/ Ijazah

Setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pelajar akan mengikuti pengajian di **peringkat Diploma/ Ijazah** dalam bidang tertentu di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara yang ditetapkan oleh Kerajaan. Walaubagaimanapun, tawaran ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

2. PERJANJIAN

- (a) Pelajar dan Penjamin dikehendaki menandatangani **Perjanjian Biasiswa Persekutuan** dan akan terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama tempoh yang ditetapkan setelah tamat pengajian kelak.

- (b) Cara mengisi perjanjian berkenaan adalah seperti yang terdapat di dalam **'Panduan dan Peraturan Mencetak Serta Mengisi Dokumen Perjanjian'** yang dimuat turun dari **Sistem ePenawaran** yang dikembarkan bersama-sama ini. **Perjanjian yang telah disempurnakan hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini pada tarikh seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran.** Kegagalan atau kelewatan mengembalikan Perjanjian ini akan mengakibatkan tawaran biasiswa ini terbatal dengan sendirinya.

- (c) Pelajar adalah terikat dengan segala terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian tersebut yang dibaca bersama dengan Surat Tawaran ini.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Semasa mengikuti mana-mana pengajian yang dinyatakan di perenggan 1 di atas, pelajar hendaklah mematuhi semua arahan / peraturan sebagaimana berikut -

- (a) **Berkelakuan** sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi semua arahan / peraturan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian berkenaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) / Kedutaan Besar Malaysia (KBM) dari semasa ke semasa;

- (b) **Memasuki dan meneruskan pengajian** serta menduduki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan. Pelajar dikehendaki **menyempurnakan** pengajian dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) **Dimestikan** mengikuti pengajian yang ditentukan oleh JPA. Pertukaran negara/ institusi/ bidang/ peringkat atau penarikan diri daripada pengajian yang diikuti adalah dilarang tanpa mendapat kelulusan JPA;
- (d) **Tidak boleh** terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan apa-apa perkara yang akan mencemarkan nama baik Kerajaan dan Negara;
- (e) **Tidak dibenarkan** mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan tidak selaras dengan kepentingan pelajar atau kepentingan Kerajaan;
- (f) **Tidak dibenarkan** memegang apa-apa jawatan, menjadi ahli atau mengambil bahagian di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan yang pada pendapat Kerajaan boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik/ militan/ subversif tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kerajaan dan Kerajaan mengikut budibicara mutlaknyanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan tersebut;
- (g) **Tidak boleh** menerima apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran JPA;
- (h) **Dikehendaki mengemukakan kepada JPA satu salinan keputusan peperiksaan / ujian penggal, semester, tahunan atau akhir dalam tempoh satu bulan selepas keputusan diumumkan dan JPA boleh menahan apa jua bayaran kepada pelajar sekiranya gagal mengemukakan keputusan peperiksaan tersebut.** Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di negara-negara yang bukan berbahasa Inggeris seperti Perancis, Rusia, Jerman dan Negara-negara Timur

Tengah, salinan keputusan peperiksaan tersebut hendaklah diterjemahkan terlebih dahulu ke dalam Bahasa Inggeris/ Malaysia;

- (i) **Tidak dibenarkan** berkahwin tanpa kelulusan JPA semasa mengikuti pengajian. Sekiranya pelajar diketahui telah berkahwin sebelum mengikuti pengajian, maka tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya. Walaubagaimanapun, hanya dalam keadaan-keadaan tertentu, permohonan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut -
- (i) **Mendapat persetujuan dan kebenaran bertulis** daripada ibu bapa, penjamin, JPA dan KBM dengan mengisi borang-borang JPA(L)/PBK/1, JPA(L)/PBK/2 dan JPA(L)/PBK/3;
- (ii) **Mematuhi peraturan-peraturan nikah kahwin** yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
- (iii) **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab** menanggung apa-apa perbelanjaan yang timbul di atas perkara ini; dan
- (iv) Kerajaan berhak menarik balik penajaan dan menuntut balik perbelanjaan sebenar jika **prestasi akademik** pelajar **tidak memuaskan** sama ada secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh perkahwinan ini.
- (j) **Pelajar hendaklah berpakaian sopan** mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh institusi pengajian dan semasa menghadiri ceramah-ceramah atau perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh JPA/JPM/KBM;
- (k) Semasa mengikuti pengajian di luar negara, pelajar adalah dikehendaki –
- (i) **Memberitahu tentang ketibaan** pelajar berserta dengan alamat kediaman secara bertulis kepada **Pejabat Penasihat Latihan**

(PPL-JPA) / Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) / Kedutaan Besar Malaysia (KBM) di negara-negara berkenaan;

- (ii) **Memberitahu PPL-JPA/JPM/KBM** tentang sebarang pertukaran alamat;
 - (iii) **Tinggal di asrama** atau **mana-mana tempat penginapan** sekiranya diarahkan oleh PPL-JPA/JPM/KBM;
 - (iv) **Menduduki dan lulus dalam semua ujian dan peperiksaan** yang disyaratkan; dan
 - (v) **Menghadiri ceramah** atau **perjumpaan-perjumpaan** yang dianjurkan oleh PPL-JPA/JPM/KBM misalnya perayaan Hari Malaysia dan lain-lain.
- (I) Pelajar dikehendaki **menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan**. Sekiranya pelajar memerlukan perlanjutan untuk menamatkan pengajian, pelajar perlu memohon melalui PPL-JPA/JPM/KBM dengan menyertakan maklumat-maklumat berikut -
- (i) **Sebab-sebab gagal** menamatkan pengajian dalam tempoh tajaan. Sekiranya gagal disebabkan oleh masalah kesihatan, laporan perubatan perlu dikemukakan;
 - (ii) **Laporan** dari Penasihat atau Penyelia Akademik/ Dekan Fakulti/ Pendaftar Universiti/ Institusi berkenaan; dan
 - (iii) **Keputusan semua peperiksaan/** ujian penggal, semester, tahunan atau akhir.

JPA akan mempertimbangkan permohonan perlanjutan biasiswa pelajar sekiranya didapati wajar.

(m) **Penangguhan Pengajian**

Pelajar tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan pengajian tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada JPA.

(n) **Pindaan Tempoh Tawaran**

Sebarang pindaan terhadap tempoh tawaran yang disebabkan oleh perubahan struktur pengajian, polisi institusi, pindahan kredit atau sebab-sebab lain, perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada JPA.

(o) **Tamat Pengajian**

Pelajar dikehendaki -

- (i) **Memaklumkan kepada PPL-JPA/JPM/KBM tarikh dijangka kembali ke Malaysia sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh kepulangan;
- (ii) **Kembali ke Malaysia dengan segera** apabila tamat sahaja pengajian dalam masa tiga (3) bulan selepas tarikh peperiksaan akhir atau tarikh tamat penajaan atau mana yang terdahulu;
- (iii) **Melapor diri dan mengemukakan** satu salinan ijazah atau surat pengesahan tamat pengajian kepada JPA setibanya di Malaysia;
- (iv) Bagi **pelajar perubatan**, pelajar dikehendaki kembali ke Malaysia dan menjalani latihan '*housemanship*' di tanahair; dan
- (v) **Pelajar diwajibkan memohon dengan Pihak Berkuasa Melantik** untuk tujuan lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak menjamin sebarang pekerjaan setelah pelajar menamatkan pengajian.

4. ELAUN DAN KEMUDAHAN

- (a) **Sepanjang mengikuti kursus persediaan di dalam negara**, pelajar akan menerima elaun-elaun serta kemudahan-kemudahan sebagaimana di **LAMPIRAN A1 dan A2**.
- (b) Sekiranya pelajar diminta **membuka akaun bank** maka pelajar perlu berbuat demikian serta mengemukakan maklumat-maklumat berikut ke PPL-JPA/JPM/KBM dengan kadar segera -
- i. Nama Bank
 - ii. Alamat Bank
 - iii. No. Akaun Bank
 - iv. No. Cawangan Bank/*Sort Code*
 - v. Sesalinan muka depan buku akaun bank
- (c) **Sekiranya terdapat elaun terlebih bayar dimasukkan ke akaun pelajar, maka adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengembalikan semua lebihan bayaran tersebut kepada PPL-JPA/JPM/KBM. Kegagalan pelajar berbuat demikian selepas diminta oleh PPL-JPA/JPM/KBM, membolehkan pihak JPA menamatkan penajaan pelajar serta merta.**
- (d) Bagi negara yang mempunyai pejabat PPL-JPA, **pelajar hendaklah meminta pihak universiti mengemukakan invois yang berkaitan terus kepada PPL-JPA untuk pembayaran manakala bagi negara tanpa pejabat PPL-JPA, invois hendaklah dihantar terus kepada JPA.** Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengingatkan pihak institusi agar mengemukakan invois pada tarikh yang ditetapkan. Yuran yang dibayar oleh JPA meliputi -
- i. Yuran kemasukan dan pendaftaran;
 - ii. Yuran pengajian termasuk makmal dan syarahan;
 - iii. Yuran peperiksaan yang berhubung dengan pengajian;

- iv. Yuran persatuan penuntut-penuntut yang diwajibkan oleh universiti; dan
- v. Lain-lain yuran tertakluk kepada kelulusan JPA.

5. TAMBANG PERJALANAN

(a) Semasa Kursus Persediaan Dalam Negara Bagi Pelajar-Pelajar Dari Sabah / Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

JPA akan membayar tambang perjalanan pergi dan balik dari Sabah/Sarawak/Labuan ke KLIA, Sepang sekali dalam setiap tahun pengajian yang mana jumlahnya akan dimasukkan bersekali dengan bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar.

(b) Semasa Kursus Persediaan Dalam Negara Bagi Pelajar-Pelajar Dari Semenanjung

Pelajar dari Semenanjung tidak akan dibayar tambang perjalanan dari rumah ke institusi pengajian dan segala perbelanjaan adalah tanggungjawab pelajar sendiri.

(c) Semasa Mengikuti Pengajian Di Luar Negara

(i) Kerajaan akan mengatur jadual penerbangan pelajar ke negara berkenaan mengikut jalan yang termurah semasa pergi dan setelah tamat pengajian. Sekiranya urusan penerbangan tidak melalui PPL-JPA/JPM/KBM, tuntutan bayaran balik tambang perjalanan tidak akan dipertimbangkan.

(ii) Pelajar dikehendaki menghadiri kursus re-orientasi pada tarikh-tarikh yang ditetapkan sekiranya kursus itu ada dijalankan oleh Kerajaan.

6. PEMERIKSAAN PERUBATAN

- (a) **Pelajar hendaklah menjalani dan lulus pemeriksaan perubatan** yang dikendalikan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. Sekiranya pihak hospital Kerajaan tidak dapat menyiapkannya dalam tempoh yang ditetapkan, maka doktor persendirian / hospital swasta bolehlah menjalankan pemeriksaan tersebut. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pemeriksaan perubatan ini hendaklah ditanggung oleh pelajar.

- (b) **Pemeriksaan** perubatan hendaklah dilakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan/ doktor persendirian / doktor di hospital swasta di dalam **DUA (2)** salinan borang **JPA/BMI/KESIHATAN** seperti dilampirkan bersama. Satu salinan borang hendaklah dikembalikan ke JPA dan satu salinan ke institusi pengajian ketika melaporkan diri.

- (c) Sekiranya pelajar **menghidapi sesuatu penyakit** tetapi tidak dapat dikesan dalam pemeriksaan perubatan tersebut adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memberitahu perkara ini kepada JPA sama ada sebelum atau semasa mengikuti pengajian.

- (d) Sekiranya pelajar **tidak lulus pemeriksaan perubatan** atau disahkan menghidap penyakit semulajadi atau penyakit yang boleh merebak atau sakit yang berpanjangan semasa pemeriksaan kesihatan di luar negara, tawaran biasiswa ini akan ditarik balik dan pelajar dikehendaki pulang ke Malaysia untuk mendapat rawatan lanjut. Apa-apa rawatan lanjut yang dijalani di Malaysia adalah atas tanggungan pelajar sendiri.

7. DOKUMEN RASMI YANG DIPERLUKAN UNTUK KE LUAR NEGARA

Dokumen rasmi yang diperlukan untuk ke luar negara seperti passport antarabangsa dari Jabatan Imigresen, Sijil Kesihatan Antarabangsa dari hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan, visa dan lain-lain dokumen yang berkaitan

adalah menjadi tanggungjawab dan perbelanjaan ditanggung oleh pelajar sendiri. Bagi urusan mendapatkan pasport, **JPA akan menyediakan surat kepada Jabatan Imigresen untuk pelajar mendapatkan kadar bayaran pelajar (*student rate*).**

8. SYARAT-SYARAT KELULUSAN UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN DI LUAR NEGARA

Pelajar hanya akan meneruskan pengajian di luar negara setelah menamatkan dengan jayanya kursus persediaan/ diploma/ ijazah pertama (mana yang berkaitan) serta memenuhi kesemua kriteria pemilihan yang ditetapkan. Di samping itu, tawaran biasiswa ini adalah tertakluk kepada syarat pelajar diterima masuk ke universiti/institusi untuk pengajian yang ditetapkan oleh JPA.

9. PERHUBUNGAN

Apabila menghubungi Jabatan ini, pelajar hendaklah menyatakan **nombor rujukan fail** seperti di kepala surat. Nombor rujukan fail adalah sama dengan nombor kad pengenalan pelajar.

10. PELANGGARAN SYARAT-SYARAT TAWARAN

Biasiswa Persekutuan ini akan ditamatkan sekiranya didapati pelajar melanggar mana-mana syarat tawaran seperti yang telah dinyatakan. Sekiranya ini berlaku, pelajar dan penjamin dikehendaki membayar gantirugi dan lain-lain bayaran sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

11. HAK KERAJAAN

Walau apapun peruntukan dalam syarat tawaran ini, Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dan / atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pelajar adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. **Kerajaan juga berhak menamatkan Biasiswa Persekutuan ini tanpa memberikan sebarang sebab.**

**Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia**